

BUMI KEPANASAN

ADIB HASRI



CUACA panas luar biasa berikutan fenomena El Nino yang melanda negara mengakibatkan banyak kawasan pertanian di utara Semenanjung Malaysia tidak dapat diusahakan. Tanah menjadi kering-kontang dan merekah.

Fenomena El Nino merupakan keadaan cuaca panas dan kering yang melampau. Keadaan ini bertambah buruk apabila jumlah taburan hujan

yang direkodkan kurang sehingga ada pihak yang berasa bimbang akan kebarangkalian fenomena El Nino pada tahun 1997-1998 kembali berulang.

El Nino merupakan bahasa Sepanyol yang bermaksud "si anak kecil". Fenomena itu paling teruk melanda negara pada tahun 1997-1998. Pada ketika itu, Malaysia mengalami cuaca panas yang melampau sehingga mengakibatkan

banyak kawasan hutan terbakar, kawasan tadahan air terjejas, jerebu dan kemarau. Negara turut berhadapan dengan krisis air terburuk yang mengakibatkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian jutaan ringgit.

Pada tahun ini, meskipun negara tidak berhadapan dengan cuaca panas dan kering seperti yang berlaku pada tahun 1997-1998, kebakaran hutan kerana cuaca kering di beberapa buah

negeri sedikit banyak memburukkan lagi keadaan yang sedia ada. Beberapa buah negeri mula dilanda jerebu. Kerajaan turut mengambil tindakan menutup beberapa buah sekolah di Kedah, Perlis dan Sabah.

Pada awalnya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar meramalkan bahawa fenomena El Nino dijangka berkurangan pada April, namun sehingga pertengahan April lalu, negara masih dilanda cuaca panas dan

kering. Keadaan ini bukan sahaja membawa kesan yang buruk terhadap kesihatan, tetapi turut menjejaskan hasil pertanian, jumlah tangkapan hasil laut, dan paras empangan air di seluruh negara.

Berbekalkan pengalaman berhadapan dengan cuaca panas dan kering yang lalu, kerajaan mengambil tindakan yang drastik bagi memastikan impak negatif fenomena ini berada pada tahap yang minimum

dan dapat dikawal. Oleh itu, kerajaan, pada Mac lalu, mencadangkan jawatankuasa khas dibentuk bagi memantau keadaan cuaca panas, menjalankan penyelenggaraan dan pembinaan telaga tiub untuk penanaman padi di seluruh negara, menaiktarafkan kolam takungan sedia ada untuk tanaman sayur-sayuran, dan kebarangkalian mengenakan catuan air sekiranya fenomena El Nino berterusan. **DM**